

UMP bawa anak yatim, asnaf beli baju baharu

Berita Harian (Ihya Ramadhan) 4/6/18 Khamis 11/5 : 21

[FOTO SHAHRINNAHAR LATIB/BH]

Kuantan: "Jika tiga anak saya tidak terpilih menerima bantuan ini, mereka sambut Aidilfitri dengan baju lama, ...Alhamdulillah mereka dapat juga memakai baju raya baharu," kata suri rumah, Maslinda Che Ha.

Suri rumah berusia 36 tahun dari Kampung Bentan, Pekan itu ditemui selepas selepas Projek Santun Kasih Lebaran Sempena Ramadan dan Aidilfitri anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Persatuan Wanita UMP (MATAHARI) di gedung Mydin di sini hari ini.

Maslinda berkata, mereka berterima kasih kepada UMP kerana memberi sumbangan pakaian raya untuk ketiga-tiga anaknya iaitu Nor Umaira Wafa Mohd Razi, 10; Nor Hafizaah, 8, dan Muhammad Muizzuddin, 2.

"Pendapatan suami (Mohd Razi Abdul Hadi, 38 tahun) sebagai juruteknik tidak seberapa. Mujur-



Daing Nasir (tengah) bersama 80 anak yatim dan asnaf yang dibawa membeli-belah di Mydin, Kuantan, semalam.

lah ada bantuan ini, dapatlah membantu meringankan perbelanjaan kami membuat persiapan Aidilfitri," katanya ditemui pada majlis berkenaan di sini.

Sampaikan sumbangan

Pada program berkenaan, Naib Canselor UMP, Prof Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Presiden Persatuan MATAHARI, Haryani Abdullah turut hadir menyampaikan sumbangan kepada penerima.

Dalam pada itu, Maslinda berkata, anak ketiganya Muhammad Muizzuddin juga mengalami masalah usus sejak kecil dan pernah dibedah ketika berusia enam bulan di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini.

"Selepas dibedah baru anak saya kembali normal. Sebelum itu anak bongsu saya itu mengalami muntah-muntah, berak berdarah dan menjadi lembik. Lepas dihan-

tar ke HTAA, doktor suruh bedah untuk betulkan ususnya yang bermasalah," katanya.

Sementara itu, Daing Nasir berkata, seramai 80 anak yatim dan asnaf sekitar Nenasi, Kuala Pahang di Pekan dan Kuantan diberi peluang membeli-belah sebagai persiapan menyambut Aidilfitri.

"Mereka yang terdiri daripada 30 keluarga menerima sumbangan baju raya dan barang keperluan harian yang lain.

Program ini adalah hasil kesinambungan program MyGift yang dijalankan sepanjang tahun terutama dalam usaha membantu komuniti setempat.

"Bantuan ini sekurang-kurangnya dapat membantu meringankan beban dan merasai nikmat berhari raya dengan lebih bermakna serta menyemarakkan keindahan Ramadhan dan menjelangnya Aidilfitri tidak lama lagi," katanya.